

BAB TIGA : METODOLOGI KAJIAN

A. Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan mengkaji pelaksanaan pengajaran tilawah al-Qur'an selaku salah satu komponen di dalam mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah (PQS) di sekolah menengah agama negeri kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Kajian tertumpu kepada 21 buah sekolah menengah agama kelolaan JAIS yang menawarkan mata pelajaran PQS kepada pelajar di tingkatan empat dan lima.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan mengetahui tahap pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran kepada pelajar dalam waktu rasmi mata pelajaran ini di dalam kelas. Kajian merangkumi aspek perancangan dan pemberatan guru, peruntukan masa yang digunapakai oleh guru untuk mengajar komponen ini, kaedah-kaedah yang digunakan, persepsi dan harapan guru terhadap perlaksanaannya, kekangan-kekangan yang mungkin wujud dan cadangan-cadangan bagi memaksimumkan pencapaian objektif komponen ini dalam mata pelajaran PQS.

Dapatan juga dikaji bagi melihat sama ada terdapat perhubungan antara beberapa pembolehubah yang telah dikenalpasti yang terdiri daripada pembolehubah bersandar dan tidak bersandar. Seandainya terdapat perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah tersebut, kajian ingin melihat sama ada perhubungan yang wujud adalah signifikan atau sebaliknya.

B. Sampel Kajian

Oleh kerana kajian yang dijalankan agak khusus sifatnya, sampel yang terlibat dalam kajian ini turut terbatas. Oleh yang demikian, pemilihan sampel dijalankan secara ‘bertujuan’ (purposive sampling) sesuai dengan kehendak dan tujuan kajian ini dilaksanakan (Fraenkel dan Warren, 1996).

Sampel kajian ini terdiri daripada keseluruhan populasi kajian ini sendiri. Ia melibatkan kesemua 48 orang guru yang mengajar mata pelajaran PQS di semua sekolah menengah agama kelolaan JAIS yang ada menawarkan mata pelajaran ini kepada pelajar mereka. Daripada keseluruhan 22 buah sekolah agama menengah yang dikelolakan oleh JAIS, 21 buah sekolah telah dikenalpasti ada menawarkan mata pelajaran PQS kepada pelajar di tingkatan empat dan lima.

Pecahan bilangan sampel bagi setiap sekolah agama menengah kelolaan JAIS adalah seperti berikut;

Bil	Nama Sekolah	Bilangan Sampel	Bil. Soal Selidik Diedar	Bil. Soal Selidik Dikembalikan	Peratus Keseluruhan
1	SAM Hishamuddin, Jln. Sg. Bertek	2	2	2	100.0
2	SAMT Tg. Ampuan Jemaah, Shah Alam	2	2	2	100.0
3	SAMT Hishamuddin, Kampung Jawa	4	4	4	100.0
4	SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, S. Bemam	5	5	5	100.0
5	SAM Muhammadiyah, Sabak Bemam	1	1	1	100.0
6	SAM Tengku Ampuan Jemaah, Sg. Besar	2	2	2	100.0

Bil	Nama Sekolah	Bilangan Sampel	Bil. Soal Selidik Diedar	Bil. Soal Selidik Dikembalikan	Peratus Keseluruhan
7	SAM Bagan Terap, Bagan Terap	2	2	2	100.0
8	SAM Parit Baru, Sg. Air Tawar	1	1	1	100.0
9	SAM Pasir Panjang, Sekinchan	1	1	1	100.0
10	SAM Sungai Haji Dorani, Sungai Besar	2	2	2	100.0
11	SAM Rawang	2	1	1	50.0
12	SAM Hulu Langat, Cheras	1	1	1	100.0
13	SAM Sungai Selisik, Hulu Selangor	2	2	2	100.0
14	SAMT Kuala Kubu Bharu	3	3	3	100.0
15	SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Sg. Manggis	4	3	3	75.0
16	SAM Unwanus Saadah, Kanchong Darat	2	2	2	100.0
17	SAM Seri Desa, Tg. Karang	4	4	4	100.0
18	SAM Jeram, Kuala Selangor	3	3	3	100.0
19	SAM Bestari, Subang Jaya	3	3	3	100.0
20	SAM Paya Jaras, Sungai Buloh	1	1	1	100.0
21	SAM Sungai Merab Luar, Sepang	1	1	1	100.0
Jumlah		48	46	46	95.8

Jadual 1 : Jumlah Pecahan Sampel Mengikut Sekolah

Daripada keseluruhan 48 orang guru yang mengajar mata pelajaran ini di sekolah-sekolah menengah JAIS, pengkaji telah berjaya mendapatkan seramai 46 orang guru untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Dua orang guru yang tidak menjadi sampel kajian

ini adalah kerana guru tersebut sedang cuti bersalin dan berkursus di luar sekolah. Sampel bagi kajian ini adalah sebanyak 95.8 peratus daripada jumlah populasi yang dikaji.

Keputusan untuk menjadikan populasi sebagai sampel kajian dibuat bagi membolehkan pengkaji mendapatkan gambaran sebenar dan menyeluruh berkenaan aspek-aspek yang dikaji. Selain daripada itu, bilangan sampel yang agak kecil turut mendorong pengkaji untuk cuba menjadikan populasi sebagai sampel kajian ini. Bilangan sampel yang kecil ini adalah berikutan daripada aspek kajian yang agak khusus dan oleh itu bilangan sampel yang terlibat juga adalah kecil dan terhad.

C. Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dan temubual bagi mendapatkan data yang akan dianalisis bagi menjawab soalan-soalan kajian. Instrumen soal selidik ini didasarkan kepada soal selidik yang telah digubal dan digunakan oleh Nor Azizah Siron (2003). Soalan-soalan bagi sesi temubual pula digubal berdasarkan soalan berstruktur yang telah digunakan oleh Zulfah @ Zulfa Haris @ Harith (2003) dalam kajiannya.

Instrumen soal selidik digunakan untuk mendapatkan data dalam bentuk skor, manakala temubual digunakan untuk menguatkan lagi dapatan-dapatan hasil daripada skor yang diperolehi daripada soalselidik. Ia juga bertujuan untuk memberi gambaran yang lebih tepat dan mendalam berhubung persoalan yang sedang dikaji.

1. Borang Soal Selidik

Borang soal selidik yang digubal terbahagi kepada lima bahagian; a) latar belakang demografik, b) maklumat profesional, c) pelaksanaan pengajaran tilawah al-Qur'an, d) item-item menggunakan Skala Likert Lima Poin dan e) cadangan-cadangan bagi memperbaiki pengajaran komponen ini.

i. Bahagian A : Latar belakang Demografik

Item-item yang digunakan bagi mendapatkan latar belakang demografik sampel adalah item-item yang bernombor 1 hingga 8. Item-item ini merangkumi soalan-soalan tentang jantina sampel, umur, taraf perkahwinan, tempat tinggal dan kelulusan akademik mereka.

ii. Bahagian B : Maklumat Profesional

Sebanyak 7 item dikemukakan bagi mendapatkan maklumat dan kelayakan profesional sampel. Item-item 9 hingga 15 dikemukakan bagi mendapatkan maklumat mengenai kelulusan ikhtisas mereka, pengalaman mengajar, jumlah mata pelajaran yang sedang diajar dan jumlah waktu seminggu, pengalaman mengajar PQS dan tahap penguasaan mereka membaca al-Quran mengikut penilaian mereka sendiri.

Maklumat berkenaan kelulusan ikhtisas sampel perlu diperolehi bagi mengaitkannya dengan keupayaan guru untuk menyampaikan dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah. Juliana Gregory (1993) dalam latihan ilmiahnya menegaskan bahawa faktor latihan guru adalah penting bagi

mbolehkan guru mengajar dan menyampaikan mata pelajaran dengan baik kepada pelajar. Kelulusan ikhtisas yang dimiliki oleh seorang guru juga dapat menggambarkan pengetahuan mendalam guru dalam bidang yang diajar oleh mereka dan merupakan ciri yang mesti ada dalam diri seorang guru (Wotruba dan Wright, 1975 ; Scheck dan Bazio, 1977).

Maklumat tentang penguasaan guru dalam pembacaan al-Quran juga penting untuk diketahui bagi mengaitkannya dengan keupayaan dan kesediaan sampel untuk mengajar tilawah al-Quran kepada pelajar mereka. Suradi Salim (1989) menyatakan bahawa aspek ini penting bagi mengukur tahap profesionalisme guru itu sendiri. Seorang guru yang profesional ialah guru yang mempunyai pengetahuan luas mengenai bidang atau mata pelajaran pengkhususannya (Suradi Salim, 1989).

Lee (1993) turut bersetuju dengan pendapat ini dan mengatakan bahawa untuk menjadi guru yang berjaya, seorang guru perlu mengetahui dengan mendalam tentang apa yang hendak diajarnya. Shahrir et. al. (1992) turut memasukkan elemen keintelektualan guru sebagai antara ciri-ciri guru yang berkualiti menurut perspektif guru besar, guru dan murid dalam kajian yang telah dijalankannya berdasarkan ciri-ciri yang telah dikenalpasti oleh White et. al. (1983) sebagai ciri-ciri guru yang unggul.

Dari sudut pengajaran membaca al-Quran, keupayaan guru untuk menguasai kemahiran membaca al-Quran menjadi amat penting kerana ia melibatkan keupayaannya untuk memberikan contoh bacaan yang baik dan betul bagi diikuti oleh pelajar (Hassan

Mahmud, 1987; H. Dachlan Salim, 2000; Ismail Awang, 1987). Keupayaan guru untuk memberikan contoh bacaan yang betul dan baik adalah penting dalam pengajaran al-Quran bagi memastikan ianya dibaca sebagaimana yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW (Hassan Mahmud, 1987).

iii. Bahagian C : Pelaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran Dalam PQS

Dalam bahagian ini, item dibahagikan kepada dua sub-bahagian. Sub-bahagian pertama akan dijawab oleh sampel yang menjawab 'Ya' bagi soalan sama ada mereka ada memperuntukkan masa untuk mengajar pelajar mereka membaca al-Quran (Soalan 16). Sub-bahagian ini mengandungi tiga soalan kesemuanya, iaitu Soalan 17, 18 dan 19. Item-item dalam sub-bahagian ini akan mendapatkan maklumat mengenai peruntukan waktu dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh responden untuk mengajar pelajar mereka membaca al-Quran.

Sub-Bahagian kedua pula akan dijawab oleh responden yang menjawab 'Tidak' bagi soalan yang sama tadi (Soalan 16). Responden yang menjawab tidak bagi Soalan 16 ini akan terus menjawab Soalan 20 dan meninggalkan soalan-soalan bagi sub-bahagian yang pertama. Sub-bahagian ini memerlukan responden untuk menyatakan sebab-sebab kepada jawapan mereka untuk Soalan 16.

iv. Bahagian D : Item-item Skala Likert 5 Poin

Dalam bahagian ini, responden dikehendaki untuk memberikan respon mereka kepada pernyataan-pernyataan yang merujuk kepada amalan pengajaran mereka di dalam

kelas, khususnya yang berkenaan dengan pengajaran membaca al-Quran kepada pelajar mereka. Responden dikehendaki memberikan jawapan sama ada mereka 'sangat tidak setuju', 'tidak setuju', 'tidak pasti', 'setuju' dan 'sangat setuju' dengan pernyataan-pernyataan yang diberikan. Respon 'sangat tidak setuju' diberikan nilai 1, manakala respon untuk 'sangat setuju' diberikan nilai yang tertinggi iaitu nilai 5.

Penggunaan Skala Likert digunakan bagi tujuan mendapatkan gambaran berkenaan tahap sikap guru terhadap pengajaran komponen ini dan bagi menilai tahap amalan mereka dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Menurut Fraenkel dan Wallen (1996), kaedah ini adalah yang paling sering digunakan bagi tujuan berkenaan.

Item-item dalam bahagian ini akan dapat memberikan maklumat berkenaan perancangan, pemberatan dan keutamaan, kaedah pengajaran, bahan-bahan bantu yang digunakan dan aspek penilaian yang diamalkan dalam pengajaran mereka yang berkaitan dengan pengajaran tilawah al-Quran kepada pelajar. Ia turut mampu memberikan gambaran berhubung sikap guru-guru terhadap pengajaran komponen ini.

Aspek-aspek ini perlu diketahui berdasarkan pendapat Brophy (1988) dalam Chua (1990) yang menyatakan bahawa pencapaian pelajar dalam kelas bergantung kepada a) kuantiti pengajaran akademik yang diterima dan b) kualiti pengajaran yang disampaikan kepada mereka. Kedua-duanya meliputi peruntukan waktu, penilaian terhadap

pencapaian pelajar, kandungan pengajaran dan amalan pengajaran yang aktif (Brophy, 1988).

Leithwood (1986) turut menyatakan bahawa terdapat tujuh (7) dimensi dalam amalan pengajaran ketika melaksanakan inovasi kurikulum; i) matlamat, ii) objektif, iii) kandungan, iv) strategi pengajaran, v) bahan-bahan dan sumber pengajaran, vi) alat-alat dan prosedur pentaksiran dan vii) pengurusan kelas. Manickam (1993) pula menyatakan bahawa perkara-perkara yang perlu dalam mengimplementasi satu-satu kurikulum ialah peruntukan waktu, metod pengajaran, bahan bantu mengajar dan metod penilaian.

Pendapat ini turut dikongsi oleh Chew (1993) yang turut menambah aspek kemahiran pengajaran, kandungan, bahan dan tempat dalam usaha untuk mengimplementasi sesuatu kurikulum.

Dunne et. al (1980) pula memasukkan elemen 'pentaksiran terhadap keperluan' (assessment of needs) dalam merangka sesuatu kurikulum. McCutcheon (1980) dalam Wilde (1990) pula menekankan aspek perancangan guru dari segi mental, yang menurutnya, sering membuat keputusan-keputusan secara intuisi bagi menentukan pendekatan dan kaedah yang berkesan terhadap pelajar mereka hasil pengetahuan mereka terhadap pelajar mereka secara individu.

v. Bahagian E : Cadangan-cadangan Untuk Penambahbaikan

Dalam bahagian ini, responden diminta untuk mencadangkan langkah-langkah yang difikirkan terbaik bagi meningkatkan kualiti pengajaran tilawah al-Quran bagi mata

pelajaran ini. Responden diberikan 5 cadangan jalan penyelesaian yang berdasarkan kepada dapatan kajian-kajian terdahulu (Che Pee Saad, 1993; Maimunah Ismail, 1995; Muhammad Endut, 1992; Fazlina Fadzil, 1999; Hamezah Husin, 1989, Abdullah Ishak, 1995). Selain itu, responden juga diberikan peluang untuk memberikan cadangan-cadangan lain dengan menyediakan satu ruang bagi mereka menyatakan pendapat mereka. Ia adalah bagi memberi peluang kepada responden untuk menyatakan cadangan-cadangan mereka yang tidak termasuk dalam cadangan-cadangan yang diberi (Fraenkel dan Wallen, 1996).

Secara keseluruhannya, borang soal selidik ini mengandungi sebanyak 78 item kesemuanya yang merangkumi bahagian-bahagian yang telah dinyatakan tadi.

2. Sesi Temubual

Sesi temubual dijalankan ke atas seramai 10 orang responden terpilih daripada sejumlah 46 orang responden bagi kajian ini. Pemilihan responden untuk ditemuramah dibuat oleh pengetua atau penolong kanan satu sekolah yang dilawati oleh pengkaji. Responden yang ditemuramah oleh pengkaji mewakili sembilan (9) buah sekolah yang telah dilawati. Pengkaji tidak dapat menjalankan temuramah mewakili seluruh sekolah yang dilawati kerana kekangan masa, kesibukan tugas guru dan komitmen sekolah terhadap program masing-masing.

Setiap sesi temubual telah mengambil masa antara 15 hingga 30 minit dan dijalankan sama ada di bilik guru, ruang pejabat, bilik kaunseling atau di bilik pengetua

atau penolong kanan sendiri. Walaupun demikian, ia dijalankan tanpa kehadiran orang lain selain daripada pengkaji dan responden yang ditemubual.

Soalan-soalan bagi sesi temubual digubal berdasarkan kepada soalan temubual yang telah digubal dan ditadbir oleh Zulfah @ Zulfa Haris @ Harith (2003) dengan beberapa penyesuaian dan penambahan. Penyesuaian dan penambahan item dalam temubual perlu bagi disesuaikan dengan situasi dan latar belakang guru yang menjadi responden kajian ini.

Item-item soalan bagi sesi temubual ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian. Bahagian pertama berkisar tentang latar belakang demografi responden secara ringkas dan pengalaman pengajarannya. Bahagian kedua tertumpu kepada pelaksanaan pengajaran komponen tilawah al-Quran kepada pelajar. Bahagian ketiga pula berkisar tentang kekangan-kekangan yang wujud dalam pelaksanaan pengajaran komponen ini dan cadangan-cadangan bagi meningkatkan mutu pengajarannya.

Hasil temubual direkodkan dengan menggunakan cara 'catatan lapangan' atau *field notes* dan tidak menggunakan alat perakam dan dengan keizinan serta persetujuan responden. Cara ini bertujuan untuk memberikan lebih keselesaan kepada responden di samping dapat menggalakkan mereka untuk tidak teragak-agak memberikan respon terhadap persoalan yang dikemukakan.

D. Ujian Rintis

Bagi menentukan agar data yang dikumpulkan hasil soal selidik adalah kredibel dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, item-item yang akan digunakan telah diuji nilai 'Cronbach Alpha'nya. Nilai 'Cronbach Alpha' yang dianggap baik bagi item-item sesuatu soal selidik dan mencapai darjah kebolehpercayaan yang tinggi ialah yang mencapai sekurang-kurang nilai 0.7 setelah diuji.

Bagi tujuan ini, borang soal selidik ini telah diedarkan ke beberapa buah sekolah menengah di sekitar Selangor yang turut menawarkan mata pelajaran ini kepada pelajar mereka. Sebanyak 16 set borang soal selidik telah diedarkan ke empat buah sekolah berkenaan bagi tujuan ini.

Setelah diuji, nilai Cronbach Alpha bagi item soal selidik ini ialah 0.7710, manakala nilai bagi *Standardized Item Alpha* bagi soal selidik ini pula mencapai nilai 0.8125. Nilai ini menunjukkan kadar kebolehpercayaan tinggi yang dimiliki oleh item-item dalam borang soal selidik ini. Oleh itu, penyelidik memutuskan untuk terus menggunakan soal selidik tersebut bagi tujuan kajian ini tanpa membuat sebarang perubahan dan susun semula item.

E. Pengumpulan Data

Borang soal selidik yang telah cetak diedarkan ke sekolah-sekolah yang berkenaan oleh penyelidik sendiri berdasarkan temu janji yang telah dibuat terlebih awal setelah mendapat kebenaran daripada pihak-pihak yang berkenaan. Bagi tujuan

pengedaran dan pengumpulan semula borang soal selidik yang diedarkan, pengkaji telah mengambil masa lebih kurang dua minggu bagi menyelesaikan tugas berkenaan.

Pertemuan telah diadakan dengan pihak pentadbir di setiap sekolah yang terpilih bagi menjelaskan tujuan kajian dan bagaimana ia akan dijalankan serta sampel yang terlibat dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, pengkaji telah mendapat kerjasama yang cukup baik, sama ada daripada pihak pentadbiran sekolah dan daripada guru yang menjadi sampel kajian ini. Kesimpulan ini dibuat memandangkan pada ketika kajian dijalankan, kebanyakan sekolah sedang dilawati, sama ada oleh pihak audit ISO SIRIM, penyelaras Penilaian Berasaskan Sekolah bagi mata pelajaran ini atau oleh pihak Nazir Bahagian Pendidikan Islam, JAIS sendiri.

Daripada keseluruhan sampel yang dikaji, penyelidik telah berjaya menemuramah seramai 10 orang sampel mewakili 10 buah sekolah di sekitar Selangor. Temuramah yang dijalankan bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas berhubung aspek-aspek yang dikaji yang turut terkandung dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada sampel. Temuramah tidak dapat dijalankan meliputi kesemua responden daripada setiap sekolah yang dilawati akibat kekangan waktu dan kesediaan guru berkenaan.

Pengkaji telah berjaya mentadbir sendiri soal selidik yang diedarkan kepada sampel. Sampel telah dijelaskan tentang tujuan kajian ini dijalankan dan bagaimana ia akan dilaksanakan. Mungkin atas faktor ini, pengkaji telah berjaya menjalankan proses pengumpulan data ini dengan baik dan lancar. Pengumpulan semula borang soal selidik

yang telah diisi oleh responden dilakukan dalam tempoh 3 hari sehingga seminggu selepas borang-borang tersebut diedarkan. Ia dilakukan bagi memberikan masa yang cukup kepada sampel untuk menjawab item-item yang terkandung dalam borang soal selidik berkenaan.

Secara keseluruhannya, pengkaji mengambil masa lebih kurang 3 minggu untuk mengedar, mentadbir dan mengutip semula borang soal selidik yang telah diedarkan ke 21 buah sekolah agama menengah kelolaan JAIS di seluruh Negeri Selangor.

F. Analisis Data

Data yang telah dikumpulkan daripada borang soal selidik akan dikodkan terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 11.0 untuk dianalisa. Proses memasukkan data dilakukan sendiri oleh penyelidik dengan berpandukan Buku Kod yang telah disusun terlebih dahulu. Penggunaan Buku Kod adalah bagi memudahkan penulis merujuk kembali kod bagi item-item berkenaan dan mengelakkan daripada berlakunya kesalahan kod ketika proses memasukkan data ke dalam komputer.

Oleh kerana terdapat item-item berbentuk pernyataan negatif dalam borang soal selidik, pengkaji terpaksa melakukan proses 'pengkodan semula' (recoding process). Ia dilakukan bagi memastikan jawapan yang diberikan oleh responden adalah sentiasa konsisten dan menggambarkan amalan dan sikapnya yang sebenar. Pernyataan yang positif diberikan nilai yang tertinggi dan sebaliknya berlaku kepada pernyataan yang

persepsi yang negatif. Item-item yang terlibat dalam proses ini ialah item 22, 24, 29, 31, 41, 42, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 63, 66, 70, 72, 73, 76 dan 77.

Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan inferens. Analisis deskriptif digunakan bagi memerihalkan sampel dengan mencari min, mod, peratusan dan sisihan piawai daripada data yang diperolehi.

Analisis inferens pula digunakan untuk memberikan penjelasan terhadap pembolehubah-pembolehubah yang dikaji dan menilai perhubungan dan perbezaan yang wujud. Bagi tujuan ini, ujian Sampel Bebas Khi Kuasa Dua (test of independence) dengan menggunakan arahan jadual penyilangan (crosstabulation) akan digunakan. Ujian Sampel Berkembar 'T' (paired sampel 't' test) akan turut digunakan bagi membolehkan perbandingan antara min skor dilakukan.

Analisis turut dilakukan kepada transkrip dan catatan lapangan hasil temubual yang dijalankan. Semua hasil temubual dan catatan lapangan dikodkan semula dan diteliti bagi mendapatkan gambaran yang lebih baik berhubung persoalan yang dikaji.

G. Prosedur Penyelidikan

Kajian yang akan dijalankan merupakan kajian berbentuk tinjauan deskriptif dan inferensi yang melibatkan pengumpulan dan penganalisan data kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif diperolehi melalui borang soal selidik dan diedarkan, manakala data kualitatif diperolehi melalui sesi temuramah yang telah dijalankan. Data-data diperolehi

daripada populasi kajian yang dipilih dengan tujuan untuk memberikan gambaran sebenar populasi dan menjawab soalan-soalan kajian.

Proses pentadbiran soal selidik dan pengumpulan data telah mengikuti prosedur-prosedur berikut;

- i. mendapatkan surat perakuan daripada Pendaftar Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya yang menyatakan bahawa pengkaji adalah penuntut universiti ini dan sedang mengadakan penyelidikan bagi keperluan kursus;
- ii. mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Unit Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia;
- iii. mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah berkenaan;
- iv. mengenalpasti sekolah-sekolah yang berkenaan dan menghubungi pengetua sekolah-sekolah terbabit bagi mendapatkan kerjasama dan kebenaran untuk menjadikan guru-guru mereka sebagai responden kajian;
- v. berbincang dengan guru berkenaan tentang prosedur kajian, tujuan kajian dan borang soal selidik yang akan diedarkan;
- vi. menjalankan kajian di sekolah dengan mengedarkan borang soal selidik dan menjalankan sesi temuramah kepada sampel yang terpilih;
- vii. mengutip kembali borang soal selidik yang telah diisi oleh responden;

- viii. mengkodkan dapatan kajian, menganalisa dan melaporkan hasil dapatan kajian.

H. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji merasakan bahawa segala proses yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengumpulan data yang diperolehi daripada soal selidik telah berjalan dengan baik dan agak sempurna. Ini adalah hasil daripada kerjasama yang sangat baik yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat dalam usaha pengkaji untuk mengumpul dan mendapatkan data-data berkenaan.

Faktor latar belakang pendidikan pengkaji yang berasal dan bersekolah di sekolah-sekolah terbabit turut memberikan sumbangan yang besar dalam usaha ini. Ini adalah kerana ramai daripada kalangan pihak pentadbir, sama ada di peringkat jabatan atau sekolah, adalah merupakan kenalan pengkaji. Sebahagian besar daripada mereka merupakan bekas-bekas guru yang pernah mendidik pengkaji, rakan-rakan sepersekolahan dan malahan ada di antara mereka mempunyai pertalian kekeluargaan dengan pengkaji.

Selain daripada itu, dasar hubungan luar yang baik dan mesra yang diamalkan oleh Bahagian Pendidikan Islam, JAIS telah turut membantu usaha pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Dasar ini tidak hanya diamalkan di peringkat jabatan, tetapi turut diamalkan di semua sekolah yang dilawati oleh pengkaji

dan oleh semua kakitangan yang bertugas, sama ada di peringkat jabatan mahupun sekolah.